



## PENDIDIKAN AKHLAK DALAM MENANGANI ISU GEJALA SOSIAL PELAJAR

### [MORAL EDUCATION IN ADDRESSING THE ISSUE OF STUDENT SOSIAL SYMPTON]

MOHD SAIFUL AKMAL A. KARIM,<sup>1</sup> AHMAD SUNAWARI LONG<sup>1\*</sup> & FAUDZINAIM BADARUDDIN<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Corespondent Email: aslong@ukm.edu.my

---

Received: 19 April 2021

Accepted: 17 June 2021

Published: 13 August 2021

---

**Abstrak:** Penghayatan dan pengamalan akhlak Islam yang bertunjangkan tauhid mampu menyelamatkan manusia dari segala tindakan dan perbuatan yang mengancam kesejahteraan masyarakat dan hak seseorang individu. Maka kajian ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman dan menyedarkan masyarakat tentang kelebihan pendidikan akhlak Islam mampu menangani isu keruntuhan moral pelajar masa kini. Isu keruntuhan moral adalah satu isu yang semakin membarah dari tahun ke tahun sehingga pada masa kini. Justeru itu sistem pendidikan Islam yang merangkumi pendidikan akhlak adalah satu keperluan mendesak pada masa kini bagi menyediakan individu yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepatuhan dan kepercayaan pada tuhan. Pendidikan akhlak Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW terbukti melahirkan masyarakat yang berakhlak dan membawa kepada kehidupan yang harmoni. Adalah amat penting bagi semua lapisan masyarakat untuk diberi kefahaman dan kesedaran tentang keistimewaan pendidikan akhlak di dalam Islam untuk dipraktikkan bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan sesebuah negara. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan menganalisis dokumen-dokumen seperti kajian-kajian lepas, jurnal dan kajian ilmiah yang berkaitan. Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan kepentingan dan keperluan untuk memfokuskan pelajar-pelajar supaya memahami, menghayati dan mengamalkan asas-asas pendidikan akhlak Islam.

**Kata kunci:** Konsep pendidikan akhlak, Keistimewaan pendidikan akhlak.

**Abstract:** The appreciation and practice of Islamic Ethics based on Islamic creed is able to save human beings from all actions and deeds that threaten the society well-being as well as the individual rights. Therefore, the study aims to provide understanding and public awareness on the advantages of Islamic ethics and be able to address the issue of moral collapse among students nowadays. The issue of moral decay is an issue that is getting worse from year to year up to now. Hence, the Islamic educational system which includes moral education is an urgent need in the present time to provide individuals whose are not only excellent in terms of academia but to develop the individual potential in a holistic and integrated manner to produce a balanced and harmonious human being intellectually, spiritually, emotionally and physically based on obedience and belief in God. Islamic Ethics brought by Prophet PBUH is proven to produce a moral society and lead to a harmonious life. It is essential for all society levels to be given an understanding and awareness on the privilege of moral education in Islam to be practiced and to ensure the well-being and security of a country. This study uses the method of library based research by analyzing documents such as; literature review, journals and related scientific studies.

The findings show that the importance and need to be focussed on students to understand, appreciate and practice the basics of Islamic Ethics.

**Keywords:** The concept of moral education, Privileges of moral education

**Cite This Article:**

Mohd Saiful Akmal A. Karim, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badaruddin. 2021. Pendidikan akhlak dalam menangani isu gejala sosial pelajar [Moral education in addressing the issue of student sosial symptom]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(3), 49-60.

## PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang paling pesat membangun jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain (Buerah Tunggak et al 2015). Persaingan mengejar arus kemodenan dan kemajuan seiring dengan cabaran globalisasi, nilai-nilai peradaban masyarakat semakin mundur dan tidak sejajar dengan pembangunan ekonomi Malaysia. Dewasa ini Malaysia telah diterjah oleh pelbagai masalah yang melibatkan kes-kes gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat terutamanya pada golongan remaja. Pelbagai jenis delinkuen sosial yang melibatkan pelajar bermula dari isu yang ringan seperti lewat ke sekolah, ponteng kelas, ponteng sekolah dan melanggar peraturan sekolah, diikuti salah laku yang sederhana seperti melawan guru, menghisap rokok, membuli seterusnya melakukan salah laku disiplin yang berat seperti pergaulan seks bebas, mengandung dan melahirkan anak luar nikah, pembuangan bayi, penagihan dadah dan rogol dilaporkan hampir setiap hari dalam media massa (Buerah Tunggak et al. 2015). Oleh kerana remaja merupakan golongan yang akan menjadi pelapis kepada kepimpinan negara, maka perkara ini tidak boleh dipandang sebagai perkara yang remeh. Memetik kata - kata al-Qardawi di dalam Buhreh et al. (2013) menyatakan: "Khazanah negara yang paling berharga bukanlah emas dan perak, bukanlah hasil mahsul, tetapi kekayaan yang paling bernilai adalah manusia. Sebaik-baik anugerah dari manusia ialah zaman belianya. Zaman belia adalah zaman kekuatan di antara kelemahan. Kelemahan adalah zaman kanak-kanak dan zaman tua. Zaman belia adalah zaman yang paling gemilang bagi setiap orang. Zaman belia adalah zaman produktif, zaman membangun dan membina. Belia adalah satu anugerah Tuhan yang amat berharga".

Masalah gejala sosial di kalangan pelajar yang berlaku pada hari ini akan memberikan kesan dan impak yang begitu besar dalam diri individu pelajar, masyarakat dan negara. Kesan jangka masa pendek dan panjang pasti ada sekiranya masyarakat dan pelajar tidak tahu untuk menangani permasalahan yang kian meruncing terutama dalam era globalisasi ini. Perkara ini akan menjadikan pembentukan jati diri dan akhlak pelajar semakin rapuh. Akhlak yang baik akan dipandang mulia oleh masyarakat sementara akhlak yang buruk akan dipandang hina. Institusi keluarga akan porak-peranda akibat tidak memegang pada akhlak yang baik. Anak-anak tidak diberi perhatian dan mudah terjerumus dengan perkara-perkara yang tidak bermoral akibat hilang perhatian daripada kedua ibu bapa. Masyarakat akan berpecah belah tidak bersatu, mementingkan diri sendiri dan melakukan sesuatu tanpa pertimbangan agama

Kecemerlangan akhlak pelajar masa kini adalah satu perkara yang penting bagi menjamin keharmonian dan kestabilan sesebuah negara pada masa akan datang. Menurut

perspektif Islam, pembangunan dan kemajuan sesuatu bangsa bukan sahaja dilihat daripada pembangunan fizikal tetapi merangkumi aspek kerohanian dan moral mengikut acuan al-Quran dan Sunnah. Kecerdikan akal dan kecanggihan teknologi semata-mata bukanlah indikator sebenar melambangkan ketamadunan sesuatu bangsa dan negara (Nasarudin Desa et al.2018). Melihat kepada senario ini, remaja perlu diterapkan dengan akhlak yang mulia dan keimanan yang tinggi kepada Allah SWT. Penerapan nilai akhlak yang mulia perlu diterapkan pada pelajar sejak awal lagi dan menjadikannya sebagai amalan hidup seharian. Pembentukan akhlak ini sudah tentu melalui penerapan al-Quran dan As-Sunnah (Norafidah et al. 2017). Pendidikan yang berteraskan falsafah dan prinsip Islam telah membuktikan kejayaan tamadun manusia umumnya dan tamadun Islam khasnya (Asmawati Suib, 2015)

Di atas kesedaran betapa pentingnya menyediakan pelajar atau remaja yang membangun secara holistik dari aspek spiritual, emosi, intelek, sosial dan jasmani maka terdapat pelbagai usaha yang dijalankan oleh semua pihak. Guru, ibu bapa, Jabatan Pendidikan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama, media massa, para Ilmuwan dan seluruh anggota masyarakat perlu melaksanakan amar, makruf dan nahi mungkar bagi mengekang keruntuhan akhlak pelajar (Buerah Tunggak et al. 2015). Pendidikan dan akhlak adalah perkara yang tidak boleh dipisahkan kerana melalui pendidikan Islam barulah dapat difahami dan dihayati erti sebenar akhlak. Masyarakat perlu memahami akhlak Islam dan perbezaan moral yang diasaskan oleh sarjana Barat. Menurut Mohd Khairi Shafie (2011) faktor penyebab terhadap keruntuhan akhlak adalah berpunca akibat dari kurangnya kefahaman terhadap akhlak dan sikap. Pada hari ini amalan dan proses pendidikan kurang memfokuskan tentang pembentukan nilai murni kepada remaja di mana proses pendidikan itu sendiri lebih mementingkan kejayaan akademik.

## **ISU KERUNTUHAN MORAL DAN AKHLAK.**

Pelajar merupakan golongan yang mempunyai potensi yang amat bernilai untuk dibangunkan. Golongan ini adalah harapan untuk negara dan bakal menjadi pelapis pemimpin negara di masa akan datang. Jatuh bangun sesebuah negara terletak kepada pemuda dan pemudi di masa kini. Malaysia khususnya remaja mengandungi 1/3 daripada penduduknya dan bonus kepada negara kerana mereka mempunyai potensi yang besar untuk dibentuk dan dididik menjadi penduduk yang berkualiti untuk membangun negara di masa akan datang (Haslinda, 2016).

Walaupun begitu peningkatan kepada gejala sosial hari demi hari semakin serius merebak, melarat, malah sudah menjadi lumrah dalam dunia pendidikan. Ledakan teknologi pada masa kini menjerumus kepada faktor berlakunya budaya hedonisme dan melibatkan golongan muda. Ini menyebabkan perubahan ketara dalam pembangunan sosial dan mewujudkan sub budaya yang mengangu gugat pembentukan dan perkembangan tingkah laku golongan belia. Budaya hedonisme menyebabkan remaja kerap mengejar kemewahan dan tidak mahu bekerja dalam jangka masa yang panjang dan letih untuk mendapatkan gaji yang terhad yang tidak mampu memenuhi perbelanjaan mereka. Penerapan dan pengukuhan nilai murni amatlah penting dan perlu dilaksanakan tatkala anak masih kecil lagi. Penggunaan media dalam era globalisasi adalah amat penting. Pihak kerajaan boleh mewujudkan sistem ilmu melalui media massa seperti media Islami supaya meningkatkan keimanan dan pengetahuan penonton yang mendengarnya. Kerajaan boleh menyekat aplikasi-aplikasi dan laman sesawang yang boleh menyebabkan penularan budaya hedonisme ini (Shahidah Hamzah et al. 2021). Laporan

media tempatan mendapati Malaysia berada dalam kedudukan ketiga tertinggi di Asia bagi jumlah isu “*sugardaddy*” (Utusan Malaysia Online 2021)

Jenis-jenis gejala sosial yang dilakukan oleh remaja adalah penyalahgunaan dadah, ponteng sekolah, *merempit*, menyamun salah laku seksual, derhaka kepada orang tua dan banyak lagi jenayah yang mereka lakukan (Haslinda, 2016). Masalah sosial pelajar amat membimbangkan semua pihak dan dibuktikan dengan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tahun 2010 menunjukkan bilangan kes baru pesalah muda yang melibatkan kesalahan jenayah terhadap harta benda, dadah, lalu lintas, senjata atau bahan api, akta kesalahan kecil, judi dan lain-lain. Ini memberi gambaran bahawa cabaran akhlak, disiplin dan moral memerlukan satu usaha yang serius untuk ditangani (Ahmad Firdaus et al. 2016). Kes-kes keruntuhan akhlak yang telah dilaporkan di dalam media oleh pihak berwajib menunjukkan wujudnya krisis nilai akhlak dalam kalangan masyarakat Malaysia pada hari ini. Masalah disiplin dan keruntuhan akhlak dianggap sebagai keruntuhan moral kerana berbentuk pelanggaran peraturan dalam norma masyarakat (Asmawti Hamzah. 2007). Keruntuhan akhlak dan sosial akan memberi kesan negatif kepada masyarakat, keadaan ini akan melahirkan generasi cetek ilmu, tidak mempunyai daya tahan berfikir, tidak bermotivasi dan lemah pada pegangan agama (Khadijah Abdul Razak, 2013). Oleh yang demikian masyarakat mula mempersoalkan keberkesanan silibus Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah-sekolah dan di pusat-pusat pengajian tinggi. Menurut falsafah Islam, pembangunan diri remaja adalah bergantung kepada kecemerlangan rohani individu tersebut. Pembangunan rohani adalah tunggak kepada kesejahteraan fizikal, emosi, intelek dan sosial pada diri remaja (Nur Shahidah Paad et al. 2015). Agama Islam sebagai *al-Din* amat mementingkan pendidikan akhlak kerana nilai-nilai akhlak itu adalah sebahagian daripada Islam.

Selain dari itu, pengaruh daripada pendidikan Barat terhadap pembangunan manusia tetap ada kerana asas pembangunan manusia dimonopoli dan dipelopori oleh sarjana Barat. Oleh yang demikian, perlu ada sikap berhati – berhati dan penuh pemantauan di dalam menyediakan silibus pengajaran yang bersangkutan agama, moral dan akhlak. Corak pemikiran dan budaya Barat telah mengekal dan mengembangkan fahaman sekular yang memisahkan antara agama dan kehidupan yang lain. Fenomena ini akan mengakibatkan kemerosotan moral dan keruntuhan moral (Mohd Khairi Shafie, 2016). Pembangunan dalam pemikiran dan acuan Barat lebih memfokuskan kepada pembangunan fizikal dan material sahaja. Pembangunan Barat amat berlainan dengan konsep pembangunan Islam yang bercorak multi-dimensi meliputi aspek fizikal, kerohanian dan penilaian kepada pembangunan diri adalah berpusat kepada konsep tauhid. Allah adalah pemilik mutlak kepada alam ini dan manusia adalah khalifah yang membangunkan alam ini mengikut landasan al-Quran dan Sunnah (Nor Shahidah Mohamad & Sanep Ahmad, 2013). Penyelesaian kepada isu keruntuhan akhlak ini adalah dengan kembali menghayati ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah. Agama Islam yang bersesuaian dalam segala aspek diterjemahkan dalam pengurusan dan kepimpinan sehingga menjadikannya sebagai satu tamadun yang dicontohi pada satu ketika dahulu (Baharom Mohamad, 2009). Kefahaman terhadap sesuatu ilmu itu akan membawa seseorang itu kepada kesedaran, keinsafan dan seterusnya akan membawa mereka kepada perubahan sikap negatif kepada, sikap positif.

## **KEPENTINGAN PENDIDIKAN AGAMA**

Menurut Mohammad Khairi Hj Othman et al. (2012) di dalam kajiannya ‘Penghayatan Nilai Murni di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini’, keruntuhan akhlak dan nilai adalah berpunca daripada minda manusia yang terlupa akan tujuan mereka dihidupkan. Kajian dari aspek pengetahuan, kefahaman, penghayatan akhlak, moral dan nilai murni menunjukkan bahawa responden tidak dapat mendefinisikan konsep akhlak, kurang memahami makna moral, penghayatan nilai murni tidak menonjol dan amalan nilai murni berada pada tahap sederhana.

Proses pendidikan hari ini semakin berkurangan menyumbang ke arah pembentukan nilai pada diri remaja dan mementingkan kejayaan akademik dan kurang memfokuskan aspek kejayaan sahsiah. Menurut Sarimah et al. (2011) kajian-kajian terhadap pendidikan menunjukkan terdapat beberapa kelemahan yang menyentuh tentang keruntuhan moral pelajar. Sistem pendidikan yang ada hanya mementingkan aspek kecemerlangan luaran berbanding dengan kekurangan dari aspek kerohanian. Akhirnya berlakulah jenayah kolar putih seperti rasuah, pecah amanah, ketagihan dadah dan pelbagai lagi salah laku jenayah yang bukan sahaja melibatkan golongan yang tidak terpelajar tetapi juga melibatkan golongan terpelajar. Akhlak boleh menjadi penentu kepada kelemahan dan keruntuhan sesuatu umat dan tamadun manusia (Ajmain & Ab Halim Tamurin, 2011). Para sarjana dan ahli fikir turut memperakui bahawa kepentingan akhlak bagi membina keluhuran budi dan tamadun manusia di mana akhlak yang mulia menjadi pemangkin kepada kemajuan negara sementara akhlak yang buruk adalah pemusnah berkesan kepada ketinggian hidup manusia (Baharom Mohamad et al. 2008). Menurut Muhammad Faizal A. Ghani et al. (2017), telah sepakat pakar menjangkakan di masa hadapan, murid Islam akan menghadapi masalah dalam aspek amalan solat, akhlak, bacaan Quran, pengetahuan hukum-hakam, aktiviti bersosial dan penggunaan bahan tegahan.

Selain daripada itu pengaruh sekularisme dalam sistem pendidikan adalah satu perkara yang amat membimbangkan dan perlu segera ditangani. Menurut Sulaiman Nordin (1999) di dalam Asmawati Suhid (2007) sekularisme adalah sangat asing dan bertentangan dengan ajaran Islam yang bertunjangkan akidah. Sekularisme adalah kebudayaan Barat yang menular ke dalam alam pemikiran masyarakat kita dan menolak hubungan manusia dengan alam akhirat dan aspek rohani. Sekularisme telah menghakis nilai agama dan moral serta menimbulkan pelbagai masalah sosial yang tidak terduga. Sekiranya pengaruh ini tidak dibendung maka sekularisme akan menjadi ancaman yang besar kepada masyarakat dan negara.

Sekolah dipertanggungjawabkan untuk membentuk insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, jasmani dan rohani, sejajar dengan matlamat ‘Pelan Induk Pembangunan Pendidikan’. Justeru itu perlu ada usaha bagaimana membangunkan kembali aspek kerohanian untuk mengimbangi kecemerlangan pelajar supaya selari dengan matlamat pendidikan melalui Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Islam. Falsafah Pendidikan Negara adalah teras kepada pendidikan yang membawa konsep kepercayaan kepada tuhan dan pembangunan manusia sebagai tunjang utama. Menurut Ghazali Basri (2000) di dalam Khadijah Abdul Razak (2013) merumuskan bahawa pada tahun 1989 telah berlaku satu anjakan paradigma pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dari asas sekular kepada asas yang berpaksikan ketuhanan dan keagamaan. Justeru itu, Falsafah Pendidikan Islam (FPI) telah diungkapkan secara khusus bagi mata pelajaran Pendidikan Islam (Khadijah Abdul Razak, 2013). “Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran

dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian hidup dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara untuk mencapai kebaikan dan kesejahteraan abadi di akhirat". (Kementerian Pendidikan Malaysia 1988b). Menurut Ghazali Basri (2000) matlamat FPK dan FPI adalah sama iaitu membentuk insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi. Cuma perbezaan dari sudut pengistilahan Tuhan dalam FPK dan Allah dalam FPI

## **PERBEZAAN MORAL DAN AKHLAK**

Akhlik Islam adalah kaedah atau prinsip Islam yang mengatur tingkah laku manusia berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Menurut Haron Din di dalam Faridah Che Husain & Fakhrul Adabi Abdul Kadir, (2011) akhlak secara umumnya adalah tingkah laku manusia yang berasaskan al-Quran & Sunnah untuk kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Manakala moral pula adalah perbuatan baik dan buruk manusia dan diterima serta sesuai atau menyenangkan lingkungan masyarakat di sesuatu tempat (Faridah Che Hussain & Fakhrul Adabi Abdul Kadirn, 2011). Moral adalah lebih kepada hubungan manusia dengan manusia, moral juga menunjukkan sesuatu perbuatan itu benar atau salah dan baik atau buruk. Akhlak mempunyai hubungan yang lebih luas termasuklah hubungan dengan pencipta iaitu Allah SWT. Ini bermakna akhlak meliputi hubungan dengan Allah, diri sendiri, manusia, alam dan semua makhluk yang ghaib (Ahmad Sanan, 2018). Menurut al-Ghazali, pengertian akhlak adalah lebih jelas perbezaannya dengan moral kerana merangkumi zahir dan batin, melalui hubungan dengan Allah SWT, berpandukan al-Quran dan Sunnah mendapat keredaan Allah dan sesuai untuk semua umat manusia. Moral hanya tertumpu kepada maksud fizikal atau zahir sahaja tanpa maksud rohani dan merujuk kepada al Quran dan sunnah.

Akhlik di dalam Islam adalah berlandaskan akidah dan ibadah. Al-Ghazali menekankan sifat-sifat spiritual keagamaan dalam pendidikan akhlak seperti syukur, taubat, tawakal dan sebagainya dan mengarahkannya kepada ma'rifatullah bagi kebahagiaan di akhirat. Ini jelas menunjukkan sumber akhlak ini adalah dari al-Quran dan Sunnah dan tidak terdapat pada teori moral dan etika barat (Yoke Suryadama & Ahmad Hafidz, 2015)

## **PENDIDIKAN MENURUT ISLAM**

Pendidikan dalam Islam adalah bersifat holistik iaitu menyeluruh dari segala aspek, bersepada dan seimbang. Sifat holistik ini adalah sesuai dengan perkembangan manusia dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelektual, secara bersepada dan potensi ini dapat digunakan untuk meningkatkan kualiti pelbagai aspek kehidupan. Keseimbangan dalam pendidikan dapat dilihat dari kecemerlangan dan kemajuan dunia dan akhirat (Asmawati Suhid, 2017). Menurut Baharom Mohamad et al. (2008), matlamat dan hala tuju pendidikan Islam adalah untuk membentuk personaliti Muslim zahir dan batin merujuk al-Quran dan Sunnah yang mencakupi aspek rohani, jasmani, emosi dan intelektual. Justeru itu, pendidikan di dalam Islam adalah untuk memahami ajaran Islam yang syumul dan menyumbang kepada semua aspek pertumbuhan individu yang meliputi aspek fizikal, psikologi, spiritual, moral, sosial dan seluruh disiplin ilmu. Pendidikan di dalam Islam bukan sahaja satu proses memindahkan sesuatu ilmu

tetapi memberi makna yang luas. Al-Ghazali menyatakan pendidikan adalah menanamkan perangai baik pada anak-anak supaya mereka dapat menilai yang mana baik atau buruk sementara Syed Muhammad Naquib Al-Attas menegaskan pendidikan adalah proses penerapan adab ke dalam diri seseorang (Asmawati Suhid, 2015). Pendidikan Islam adalah saluran terpenting membentuk watak dan pemikiran pelajar khasnya dan masyarakat secara umumnya. Menurut Baharom Mohamad et al. (2008), pendidikan Islam adalah proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah, melalui pengalaman ulama muktabar untuk melahirkan insan yang soleh yang mampu memikul tanggungjawab sebagai khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT supaya mengimarahkan alam ini untuk kebahagiaan hidupnya di dunia dan akhirat.

Menurut Nurshahidah Paat et al. (2016), asas kepada pembangunan diri remaja adalah bermula dengan pembangunan unsur-unsur kerohanian. Asas kepada pembangunan kerohanian ini adalah bermula dari kesedaran dan keimanan terhadap tujuan penciptaan manusia sebagai khalifah Allah. Potensi diri yang dikurniakan oleh Allah adalah untuk mengoptimumkan fungsi iman. Potensi utama yang dibekalkan itu adalah *al-qalb*, *al-aql* dan *al-nafs*. Akal mampu bergerak aktif untuk menggali ilmu pengetahuan menerusi pembelajaran. *Al-Qalb* adalah entiti spiritual yang bersifat ketuhanan. Kombinasi akal dan hati akan memotivasi diri remaja untuk menjadi *Ulul Albab*. Sementara *al-nafs* lebih cenderung kepada kesenangan dan kenikmatan. Nafsu yang tidak terkawal akan menjadikan manusia itu buas dan merosakkan diri remaja ke arah kegagalan proses pembangunan diri remaja. *Al-nafs* akan menjadi nafsu *mutma'inah* yang direndai Allah jika *al-qalb* dan *al-aql* dapat mengawal *al-nafs* dengan baik. Motivasi yang tercetus daripada manifestasi *nafs al-mutma'innah* ini akan merangsang kekuatan jiwa untuk membentuk niat, semangat dan keazaman yang tinggi untuk membangunkan diri secara lebih konsisten dalam apa jua situasi dan halangan yang terpaksa dihadapi. Merujuk kepada konsep motivasi di atas beberapa elemen perlu dititikberatkan iaitu *Niat*, *Al-Thabat*, *Iltizam* dan *Al-'Afaf*.

Menurut al-Ghazali (2008) di dalam *Ihya' Ulum al-Din*, pendidikan itu bermula dari keutamaan ilmu, mengajar dan belajar, pembahagian ilmu, fardu ain dan fardu kifayah, etika guru dan adab murid. Islam adalah agama yang mementingkan dan mengutamakan Ilmu. Rasullullah SAW bersabda: "Menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap Muslim" (Riwayat Ibn Majjah no 224 dalam *Sahih al-Jami' al-Saghir* no. 3913).

Adab menuntut ilmu adalah perkara penting dalam pendidikan Islam. Menurut al-Ghazali (2010), adab-adab murid di dalam menuntut ilmu adalah menyucikan jiwa dari sifat tercela, menyerah diri kepada guru dan bersedia untuk ditegur, tekun dalam menuntut ilmu dan sanggup berkorban demi menuntut ilmu.

Islam amat memandang tinggi dan menghargai golongan pendidik. Tugas mendidik bukan setakat memberi ilmu tetapi adalah *role model* atau menjadi teladan kepada pelajar. Menurut al-Ghazali (2010), etika guru sebagai pembimbing adalah menyayangi murid, tidak mengutamakan upah, berani memberi nasihat dan berhemah menasihati murid. Guru memainkan peranan penting dalam membangunkan akhlak pelajar kerana mereka adalah *role model* dan mempengaruhi aktiviti di sekolah. Sekolah adalah penggerak utama dalam mencorakkan pemikiran dan tingkah laku pelajar, oleh yang demikian pendekatan guru dalam menyampaikan ilmu dan interaksi bersama pelajar banyak mempengaruhi personaliti pelajar (Baharom Mohamad et al. 2008). Miskawayh (1996) & Ziaudin Sardar (2008) menyatakan

bahawa guru perlu merefleksi diri dan sedar bahawa peranannya sebagai pendidik mampu membangun sebuah generasi bertamadun tinggi. Guru harus menghayati dan mengamalkan pada diri sendiri terhadap apa yang ingin disampaikan serta menguasai ilmu *naqliyah* dan *aqliyah* seperti pedagogi dan psikologi. Guru adalah penyemai nilai murni, fasilitator, kaunselor, pembimbing dan hakim yang menjatuhkan hukuman yang sewajarnya bagi tujuan mendidik.

## PENDIDIKAN AKHLAK

Akhlik adalah sebahagian dalam Islam dan sebagai roh kepada iman dan ibadah. Umpama dipisahkan roh dari jasad maka matilah jasad itu. Sekiranya ibadah tanpa didukung oleh keikhlasan dan kejujuran maka amalannya akan menjadi sia-sia dan kesempurnaan iman seseorang akan dizahirkan dengan akhlak yang mulia sebagaimana sabda Nabi SAW : “Barang siapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, hendaklah berbicara baik-baik atau diam. Barang siapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, hendaklah memuliakan tetangganya. Barang siapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, hendaklah memuliakan tetamunya” (HR Riwayat Bukhari dan Muslim) (HR. Bukhari, no 6018, 6019, 6136, 6475 dan Muslim No 47). Islam menuntut umatnya untuk membuat kebaikan dan menjauhi perkara-perkara yang dilarang untuk menegakkan keadilan dengan mencegah kemungkaran demi untuk mencari keredaan Allah (Ahmad Hasnan, 2018). Seseorang yang mempunyai keteguhan iman dan tekun ibadah sesungguhnya mempunyai akhlak yang mulia di dalam pergaulannya. Ini menunjukkan akhlak bukanlah persoalan persendirian tetapi mempunyai hubungan dengan akidah dan ibadah (Nasarudin Desa, 2018).

Akhlik adalah kata nama yang bersifat jama atau plural berasal dari perkataan *khuluq*. *Khuluq* adalah bermaksud peribadi semulajadi. Akhlak juga bermaksud moral atau etika yang mempunyai maksud yang baik. Akhlak bermaksud keadaan dalam diri yang darinya terbit pelbagai tingkah laku sama ada yang baik atau buruk tanpa perlu berfikir untuk melakukannya (Mohd Khairi Shafie & Mohamad Khairi Othman, 2016). Menurut Aziz Stapa (2019), definisi akhlak dari segi teknikal, merujuk gambaran atau pemerihalan keadaan dalam jiwa manusia yang sudah berada pada tahap kukuh dan sebatи hingga berupaya memunculkan perbuatan atau perlakuan secara mudah serta spontan, tanpa perlu berfikir dan membuat pertimbangan lagi. Akhlak menurut al-Ghazali (2010), lebih merujuk kepada ‘keadaan’ atau ‘suasana’ dalam jiwa seseorang, bukannya lakonan perbuatan yang terpamer pada permukaan diri pelakunya. Akhlak Islam adalah satu sifat yang bersemadi dalam jiwa seseorang individu, daripada situ akan terbit pula pertimbangan dari seseorang untuk bertindak sama ada perkara itu baik atau buruk. Al-Ghazali membuat kesimpulan bahawa akhlak adalah suatu keadaan yang tetap dalam diri atau jiwa yang melahirkan tindakan, perlakuan, atau perilaku amalan dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran. Ia merupakan suatu keadaan atau sifat yang ada di dalam diri atau jiwa (Mohd Khairi Shafie & Mohd Khairi Othman, 2016). Ibn Miskawayh berpandangan bahawa akhlak boleh dikawal dan dibentuk. Sekiranya akhlak tidak boleh dibentuk maka syariat, kenabian, latihan, disiplin, nasihat, sekolah, undang-undang dan sebagainya tidak berguna lagi (Nasarudin et al. 2018).

Pendidikan akhlak adalah satu proses melalui usaha yang dikaitkan dengan sistem pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal untuk menjadikan seseorang itu berakhlik

mulia. Pengertian akhlak mulia ini perlu disandarkan kepada al Quran & Sunnah dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh dalam kehidupan. Pendidikan akhlak adalah proses membangunkan & mengembangkan potensi diri manusia untuk mengikuti akhlak Rasulullah SAW. Menurut Eis Dahlia (2017), pendidikan akhlak adalah satu proses pembangunan, penanaman, pembentukan dan pengembangan akhlak mulia kepada anak didik. Justeru, pendidikan akhlak adalah membuang akhlak yang tercela dan menggantikan dengan akhlak yang terpuji melalui amalan membiasakan sifat yang mulia sehingga menjadi tabiat yang spontan tanpa perlu memikirkannya pada diri seseorang. Menurut Yoke Suryadarma & Ahmad Hifdzil (2015), al-Ghazali menyatakan pendidikan akhlak adalah usaha menghilangkan segala kebiasaan akhlak yang tercela sehingga terbiasa dengan akhlak-akhlak yang mulia. *Tazkiyah al-Nafs* adalah usaha penyempurnaan akhlak dan pengubatan jiwa iaitu mengosongkan jiwa dari sifat tercela (mazmumah) dan menghiasinya dengan sifat-sifat yang terpuji (mahmudah) yang akan memandu manusia kepada akhlak yang baik, keimanan kepada Allah SWT dan mempunyai sifat takwa. Oleh yang demikian, pendidikan akhlak bukan sahaja pemberitahuan atau pengajaran mana yang baik dan salah tetapi adalah dengan menanamkan, melatih dan membiasakan diri pelajar dengan sifat mulia sehingga menjadi satu kebiasaan atau tabiat.

Di dalam pendidikan anak dan pelajar, al-Ghazali menekankan sifat takwa dan akhlak, selari dengan dasar pendidikan Islam yang membimbing terhadap pertumbuhan jasmani dan rohani. Bermula dengan membiasakan anak-anak dengan perkara-perkara yang baik dalam hal ehwal makan dan minum, menghormati orang tua, menyayangi sesama insan, bergaul dengan rakan yang berakhlek mulia dan dibekali dengan asas-asas agama. Matlamat ilmu adalah mendekati diri kepada Allah SWT. Menurut al-Ghazali (2010), ciri-ciri manusia yang berakhlek mulia seperti malu, tidak menyakiti orang, banyak membuat kebaikan, menjaga lidah, benar, menyambung silaturahim, sabar, syukur, reda, mengawal marah, dermawan dan pemurah kepada fakir, tidak mengumpat, tidak memaki orang, mengutuk, tidak tergesa-gesa dalam pekerjaan, senyum, cinta pada jalan Allah dan benci pada perkara yang dibenci Allah. Pendidikan akhlak terbahagi kepada dua iaitu tidak formal dan formal. Pendidikan tidak formal bermula pada lingkungan keluarga, di mana ibu bapa memainkan peranan utama sebagai pembimbing dan *role model*. Ibu bapa memastikan pemakanan sihat dan halal, membiasakan dan melatih dengan perkara yang positif, dan tidak membuka keaiban anak di hadapan umum, menasihati secara berhemah, diberi ancaman dan pujian serta mengawasi pergaulan anak-anak. Metode pendidikan menurut al-Ghazali adalah melalui penceritaan (hikayat) dan keteladanan (uswah hasanah). Pendidikan formal bermula di sekolah dan memastikan mereka diajarkan berdasarkan ilmu al-Quran dan hadis di samping guru yang mencontohi akhlak Rasulullah SAW, tidak mengutamakan upah, penyayang, bertanggungjawab atas ilmunya, memahami tahap kefahaman murid dan mengamalkan ilmunya untuk dijadikan contoh (Enok Rohayati, 2011). Menurut Ahmad Hasnan (2018) kaedah untuk mengajarkan akhlak yang baik adalah:

1. Pengajaran: memberi pengajaran terhadap contoh-contoh akhlak yang mulia
2. Pembiasaan: membiasakan dengan akhlak yang baik semoga menjadi kebiasaan
3. Teladan: seperti guru yang menunjukkan teladan yang baik semasa mengajar kerana pelajar mudah meniru gaya kelakuan guru..
4. Paksaan: memaksa untuk melakukan kebaikan tanpa mendera atau memukul agar menjadi satu kebiasaan.

5. Hadiah & Hukuman : hadiah sebagai motivasi untuk melakukan kebaikan sementara hukuman adalah untuk mengubah perlakuan yang tercela kepada perkara yang baik.

## **CIRI-CIRI PENDIDIKAN AKHLAK ISLAM**

Pendidikan akhlak dalam Islam mempunyai beberapa ciri utama yang tidak ada pada teori-teori etika dan moral:

1. Bersifat Rabani, bertunjangkan tauhid kepada Allah SWT dan melaksanakan perintah yang disyariatkan.
2. Berseuaian fitrah manusia, di mana sifat semula jadi manusia yang rindukan kepada membuat kebaikan dan memperolehi kebahagiaan hakiki iaitu kebahagiaan kehidupan kekal abadi di akhirat. Akhlak yang terpuji adalah melindungi manusia dan berseuaian dengan fitrahnya sebagai makhluk Allah yang paling mulia.
3. Akhlak Universal, mencakupi semua aspek kehidupan dan tuntutan untuk berakhlek mulia bukan sahaja memadai pada manusia sahaja tetapi meliputi kepada semua makhluk Allah dan menjadikan keimanan kepada Allah SWT sebagai tunjang segala amalan.
4. Akhlak keseimbangan, iaitu sesuatu amalan akhlak yang terpuji itu berlaku dalam keseimbangan. Sebagai contoh sifat marah di mana lawannya adalah sifat sabar. Sekiranya terlampau marah kita akan bersifat buas seperti binatang tetapi terlalu sabar akan jadi pengecut atau dayus. Oleh yang demikian sesuatu sifat itu perlu pada sifat pertengahan yang dikenali sebagai *wasatiyyah*.
5. Akhlak Realistik, manusia adalah bersifat tidak sempurna dan tidak maksum seperti Rasulullah SAW. Manusia diberi kesempatan untuk bertaubat dan berazam tidak mengulanginya berlaku. Sesungguhnya Allah SWT Maha Pengampun dan bersifat Mengasihi dan Menyayangi.

Ruang lingkup akhlak bukan hanya setakat hubungan antara manusia dengan manusia sahaja tetapi meliputi hubungan dengan Allah dan semua makhluk. Menurut Mohd Nasir Rapin dan Zulkifli Haron di dalam Faridah Che Hussain dan Tengku Sarina Aini (2016), menegaskan konsep penghayatan akhlak dalam Islam terbahagi kepada beberapa bahagian:

1. Akhlak kepada diri sendiri seperti menjaga kebersihan dan kesihatan.
2. Akhlak terhadap keluarga dengan mentaati kedua ibubapa.
3. Akhlak terhadap masyarakat seperti tolong menolong.
4. Akhlak terhadap alam tidak melakukan pencemaran, kerosakan dan kemasuhan terhadap alam.
5. Akhlak terhadap Allah seperti tidak melakukan perkara-perkara syirik.

Justeru itu, segala peraturan yang telah ditetapkan melalui wahyu dan sunnah supaya berakhlek mulia adalah untuk menjamin kesejahteraan manusia bahkan bukan tertakluk untuk umat Islam sahaja tetapi untuk kesejahteraan sejagat.

## KESIMPULAN

Pendidikan akhlak Islam mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia. Matlamatnya mampu diperolehi oleh setiap individu melalui potensi yang dikurniakan Allah SWT pada setiap diri manusia. Islam tidak memisahkan akhlak daripada kehidupan bahkan akhlak itu sendiri adalah sebahagian daripada agama. Pendidikan akhlak Islam adalah berpaksikan tauhid, tanpa keimanan kepada Allah pendidikan akhlak adalah sesuatu yang sia-sia. Ibadah adalah bertujuan untuk memperbaiki akhlak manusia. Konsep pendidikan akhlak Islam tidak hanya menumpukan faktor luaran manusia sahaja tetapi mengambil kira kepada faktor dalaman kerana kejadian manusia itu bukan sekadar kejadian zahir atau jasmani sahaja tetapi merangkumi kejadian roh, akal, *qalbi* dan jasad. Pengamalan akhlak yang baik dalam Islam bukanlah satu sandiwara tetapi akhlak Islam lahir dari hati yang bersih tanpa berfikir dan bersusah payah untuk melukannya.

Pendidikan akhlak Islam mementingkan kekuatan rohani untuk membentuk nilai - nilai terpuji di dalam diri seseorang dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan sesuai untuk semua umat manusia. Sejarah telah membuktikan bahawa pendidikan akhlak Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW telah berjaya membawa perubahan kepada masyarakat jahiliah kepada bangsa yang bertamadun. Pendidikan akhlak Islam adalah satu keperluan untuk dipraktikkan bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan kehidupan manusia untuk mendapat keredaan Allah SWT.

## RUJUKAN

### RUJUKAN

- Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2006. Pendekatan Psikologi Dalam Pendidikan Akhlak Muslim Sebagai Pemangkin Pembangunan Insan dan Tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu* Jilid 17 : 290-306.
- Fauziah Hanin Jalal, Nurul A'in Daud & Nazariah Abdul Samad. 2015. Kesan Program Pembangunan Sahsiah Terhadap Pembentukan Karakter Pelajar. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)* (8) : 1-18.
- Nushahidah Paad, Yusmini Yusof & Norrodzoh Siren. 2016. Implementasi Elemen Motivasi Intrinsik Terhadap Pembangunan Diri Remaja Di Pusat Motivasi Alihan Pelajar (MAP): Analisis Dari Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari* 8(1): 49-64.
- Norafidah Gordani & Abdul Ghafar Don. 2017. Sukatan Usrah Dalam Membentuk Akhlak Mulia: Kajian Di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman (Satu Dapatkan Awal). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4(1): 104-114.
- Muhammad Hilmi Jalil & Mohd Yusof Othman. 2017. Jati Diri Manusia: Antara Islam dan Barat. *Jurnal Hadhari Khas* (2017) 97-109.
- Mohd Khairi Shafie & Mohd Khairi Othman. 2016. Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA. Universiti Utara Malaysia.

- Nasaruddin Desa, Tengku Intan Zarina & Sabri Mohamad. 2018. Menangani Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *al-Thurath Journal of al-Quran and l-Sunnah* 13(1): 55-63.
- Asmawati Suhid. 2017. Pengajaran Adab & Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 8: 167-178.
- Mohd Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Husaina Banu Khanayatullah, Saedah Siraj, Zuraidah Abdulah, Faisol Elham, Maszuria A. Ghani & Amalina Ayub. 2017. Masalah Murid Islam : Strategi Dan Penyelesaian Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam. *Jurnal Hadhari* 9(1): 91-110.
- Imam Ghazali. 2010. *Ihya Ulumuddin*. Cetakan ke 11. Terjemahan. Pena Pundi Asmara. Jakarta.
- Enok Rohayati. 2011. Pemikiran al-Ghazali Tentang Pendidikan Anak. *Jurnal Ta' Dib*. 16(1): 93-112.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. 2015. Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja / Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari* 7(2): 11-30.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin & Zaaba Helmi Khamisan. 2008. Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan* (2008). Universiti Teknologi Mara. Kuala Lumpur.
- Ahmad Sahnan. 2018. Konsep akhlak dalam Islam dan kontribusinya terhadap konseptualisasi pendidikan dasar Islam. *Ar-Riayah. Jurnal Pen. Dasar*. 2(2) : 99-112.
- Faridah Che Husain & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. 2011. *Jurnal al-Basirah* (1)1: 79-91. Universiti Malaya.
- Yoke Suryadarma & Ahmad Hifdzil Haq. 2015. Pendidikan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali. *Jurnal At-Ta'Dib*. 10(2) : 361-381.
- Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2011. Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor. *Jurnal GJAT*. 1(1): 71-77
- Norafidah Gordani & Abdul Ghafar Bin Don. 2017. Sukatan Usrah Dalam Membentuk Akhlak Mulia: Kajian Di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman (Satu Dapatan Awal). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4(1) : 104-114
- Khadijah Abdul Razak. 2013. Gaya Pembelajaran, Pencapaian Pendidikan Islam Dan Penghayatan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Selangor. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Shahidah Hamzah, Nur Hafizah, Yusoff, Fauziah Ani, Zahrul Akmal Damin 2021. Kesan Hedonisme Kepada Generasi Muda: Kajian Kes Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Kampus Pagoh. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*. 18(2): 98-108.